

**PERATURAN JUALAN BUNGA / CENDERAMATA SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN KE 40 DI
KAWASAN LETAK KERETA PANGGUNG SENI UKM (20-23 OKTOBER 2012)**

1. Perjualan hanya boleh dilaksanakan oleh Badan-badan Kebajikan / Kelab-kelab Kakitangan / Persatuan Kakitangan dan Tabung Kebajikan Kakitangan sahaja. Jika disublet kepada peniaga luar, ahli Badan-badan Kebajikan / Kelab-kelab Kakitangan / Persatuan Kakitangan dan Tabung Kebajikan Kakitangan mestilah turut terlibat menguruskan penjualan berkenaan.
2. Penggerai hendaklah menjual bunga dan cenderamata sahaja.
3. Penggerai hendaklah sentiasa menjaga kebersihan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan di tapak gerai sepanjang masa. Sekiranya pihak urusetia tidak berpuashati dengan tahap kebersihan kawasan persekitaran dan kerjasama yang diberikan, Jabatan Bendahari berhak untuk menamatkan perkhidmatan bila-bila masa tanpa notis.
4. Sekiranya berlaku kehilangan kerusi / meja atau berlaku kerosakan pada kanopi yang disewa kos gantian peralatan akan dikenakan kepada penggerai.
5. Keselamatan, kerosakan, kehilangan atau kerugian penggerai adalah dibawah tanggungjawab penggerai sendiri.
6. Kerusi / meja untuk pelanggan hendaklah diletakkan di tempat yang telah diperuntukan sahaja.
7. Sebarang masalah / kemusykilan sila rujuk kepada Urusetia yang bertugas.
8. Sekiranya terdapat sebarang peraturan atau syarat tambahan tuan / puan akan dimaklumkan.
9. Penjualan makanan / minuman tidak dibenarkan sama sekali.
10. Jadual perancangan persiapan dan lokasi lot penggerai boleh dipinda pada bila-bila masa oleh urusetia tertakluk kepada situasi dan keadaan yang munasabah.
11. Urusetia tiada halangan sekiranya pihak penggerai ingin menjual barangan cenderamata Berlogo UKM yang diperolehi daripada mana-mana pembekal sah yang dilantik oleh Universti
12. Larangan kepada penggerai bunga menjual apa jua jenis belon di dalam lot kedai bunga sama ada yang menggunakan gas helium/biasa.
13. Larangan membawa masuk apa jua bentuk perniagaan lain dan tidak berkaitan dengan bentuk perniagaan yang dijalankan.